

## PENDAHULUAN

1. Perkara 106 dan 107 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit penyata kewangan, pengurusan kewangan, aktiviti kementerian, jabatan dan badan berkanun serta pengurusan syarikat Kerajaan Persekutuan dan mengemukakan Laporan mengenainya kepada Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong untuk mendapatkan perkenan supaya Laporan itu dibentangkan di Parlimen. Objektif pengauditan penyata kewangan ini ialah untuk memberi pendapat sama ada Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan bagi tahun 2020 menggambarkan kedudukan kewangan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan mengenainya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.

2. Laporan saya mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan serta Pengauditan Pematuhan Kementerian dan Jabatan Persekutuan Tahun 2020 mengandungi perkara seperti berikut:

**Bahagian I : Pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2020**

**Bahagian II : Analisis Kewangan Kerajaan Persekutuan**

**Bahagian III : Pengauditan Pematuhan Kementerian dan Jabatan Persekutuan Tahun 2020**

3. Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan bagi tahun berakhir 31 Disember 2020 telah dikemukakan untuk pengauditan pada 5 Mac 2021. Penyata ini melaporkan kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan bagi tahun 2020. Penyata ini mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum dan Nota Kepada Penyata Kewangan. Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan bagi tahun berakhir 31 Disember 2020 memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Akta Tatacara Kewangan 1957, Piawaian Perakaunan Kerajaan dan International Public Sector Accounting Standards (Financial Reporting under the Cash Basis of Accounting). Bagaimanapun, laporan saya mengandungi Penegasan Perkara dan Hal-hal Lain.

4. Pengauditan pematuhan telah dilaksanakan terhadap tiga kementerian dan lima jabatan Persekutuan melibatkan lapan tajuk seperti berikut:

BIL.	TAJUK	KEMENTERIAN/JABATAN
1.	Bayaran Tuntutan Kos Penyelenggaraan Projek Rangkaian Trunk Radio Bersepadu Kerajaan	Majlis Keselamatan Negara Jabatan Perdana Menteri
2.	Kutipan Hasil Pas Lawatan Kerja Sementara Secara Dalam Talian Melalui Syarikat Perkhidmatan	Jabatan Imigresen Malaysia Kementerian Dalam Negeri
3.	Kutipan Sewa Pejabat Pentadbiran Syarikat Konsesi dan Tapak Komersial di Lebuhraya Semenanjung Malaysia	Kementerian Kerja Raya
4.	Sumbangan Bantuan Penyelenggaraan Kepada Sekolah Bantuan Kerajaan	Kementerian Pendidikan Malaysia
5.	Bayaran Kerja Menaik Taraf Sistem Kawalan dan Automasi Pentas Panggung Sari	Istana Budaya Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia
6.	Hasil Sewa Tanah dan Bangunan	Kementerian Pertahanan
7.	Taksiran Duti Kastam bagi Kenderaan Import Baharu dan Terpakai	Jabatan Kastam Diraja Malaysia Kementerian Kewangan
8.	Tuntutan Bayaran Balik Kos Pembaharuan Lesen Perisian Berkaitan Sistem MyResults	Pejabat Belanjawan Negara Kementerian Kewangan

5. Laporan ini mengambil kira maklum balas auditi berkaitan dengan isu yang dibangkitkan. Jabatan Audit Negara memberi penekanan terhadap ketidakpatuhan isu yang dibangkitkan sebagai pernyataan Audit. Bagi pengauditan pematuhan pada tahun ini, sebanyak 25 syor telah dicadangkan.

6. Pihak kementerian dan jabatan Persekutuan hendaklah memastikan pematuhan terhadap akta, pekeliling, peraturan serta kontrak yang berkuat kuasa. Agensi pusat perlu memantau dan mengawal selia kementerian dan jabatan Persekutuan dalam menjaga wang atau harta awam dan kepentingan Kerajaan terjamin.

7. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai kementerian dan jabatan yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan ini dijalankan. Saya juga ingin melahirkan penghargaan dan terima kasih kepada pegawai Jabatan Audit Negara yang telah berusaha dengan gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan Laporan ini.



**(DATUK NIK AZMAN NIK ABDUL MAJID)**

**Ketua Audit Negara  
Malaysia**

**Putrajaya  
12 Oktober 2021**